

Kabinet minta jaminan Kelantan

# Jangan ganggu lagi

(n)  
Oleh Manja Ismail B.H 16 JUL 1992

KUALATERENGGANU, Rabu — Kabinet memutuskan tidak akan meneruskan Projek Empangan Hidroelektrik Pergau berharga \$1.3 bilion selagi Kerajaan Kelantan tidak memberi jaminan, tidak ada lagi gangguan dan halangan terhadap kerja pembinaannya pada masa akan datang.

Mesyuarat Kabinet di sini hari ini juga memutuskan, Kerajaan Kelantan akan diminta membayar pampasan atas kerugian yang dialami berikutan tindakannya menghalang kerja pembinaan dengan menyekat jalan masuk ke tapak projek itu sejak 4 Julai lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, kerajaan pimpinan Pas di negeri itu perlu membuat perakuan bahawa tidak ada lagi tindakan menghalang kerja pembinaan di kawasan itu selepas ini.

"Ini keputusan Kabinet dan kita sudah minta supaya dipercepatkan proses rundingan. Selagi tidak ada pengakuan

(daripada Kerajaan Kelantan), kita tidak boleh meneruskan," katanya dalam sidang akhbar yang turut dihadiri Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, selepas mesyuarat itu.

Perdana Menteri menjawab soalan pemberita mengenai hasil rundingan di antara Kerajaan Kelantan dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) diketuai pengurusinya, Tan Sri Ani Arope di Kota Bharu semalam.

Dr Mahathir berkata, sehingga Kerajaan Kelantan membuat pengakuan itu, hanya kerja ringan yang perlu, akan disambung semula seperti mengepam air keluar supaya empangan tidak runtuh, walaupun enam sekatan itu dibuka semula.

Menurutnya, jika projek itu, yang kini 35 peratus siap, diteruskan semula tanpa jaminan Kerajaan Kelantan dan menghadapi halangan lagi, Kerajaan Pusat sukar menghentikannya ke-

**LIHAT MUKA 2**

# Kerajaan sedia hadapi 1992 sebarang risiko

## DARI MUKA 1

rana kos semakin meningkat.

"Kita sudah berbelanja hampir \$400 juta setakat ini. Kalau kita terpaksa menghentikan projek ini, kita akan kerugian walaupun sementara waktu (sehingga ada kerajaan yang lebih rela bekerjasama dan projek disambung semula).

"Tapi itu baru \$400 juta. Kalau kita teruskan projek dengan berbelanja sehingga \$600 atau \$700 juta, berlaku pula sekatan atau angkara lain, komitmen kita sudah banyak," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan pernah membincangkan sama ada meneruskan projek itu atau tidak sebelum ini.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan berpendapat rakyat Kelantan tidak harus dianiaya semata-mata kerana mereka memilih parti lawan.

"Kalau ketika itu kita buat keputusan tidak akan teruskan projek ini, tidak akan timbul masalah. Tetapi kerana mahu berlaku adil kepada rakyat Kelantan, kita teruskannya. Tiba-tiba Kerajaan Kelantan membuat tindakan yang merugikan," katanya.

Sebelum itu, Anwar memberitahu sidang akhbar yang sama, kerajaan sedia menghadapi sebarang kemungkinan, termasuk menghentikan terus projek itu jika rundingan dengan Kerajaan Kelantan berhubung syarat baru itu menemui kebuntuan.

Menurutnya, tuntutan Kerajaan Kelantan supaya membayar pampasan \$90 juta ditolak.

Menurutnya, Kerajaan Kelantan hanya menerima pampasan \$117 juta bagi penggunaan air selama 35 tahun dan kadar itu dianggap munasabah selepas mengambil kira kadar pada 1992.

Pembayaran akan dibuat pada kadar \$2 juta setahun bagi lima tahun akan datang.